

**TATACARA PEMBAYARAN UPAH UNTUK PEGAWAI BERSTATUS PEKERJA  
SAMBILAN HARIAN (PSH) DAN PERSONEL MYSTEP  
(UNTUK PTJ SELIAAN JANM NEGERI PERLIS)**

1. Bayaran upah untuk pegawai yang berstatus **PSH** bagi bulan Januari 2021 dan seterusnya adalah **seperti biasa**. (melalui Baucar Berasingan).
2. Bayaran upah personel **MyStep** untuk PTJ di bawah seliaan JANM Negeri Perlis bagi Bulan Januari 2021 dan seterusnya.
  - i) Modul: **Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Tempatan (K2)**
  - ii) Perihal bayaran : **MyStep01/2021-Upah Personel MyStep**.
  - iii) **PTJ tidak perlu mengemukakan permohonan kelulusan bayaran baucar berasingan kepada pejabat perakaunan.**
  - iv) PTJ perlu **memastikan nombor majikan PERKESO diwujudkan** terlebih dahulu.
  - v) Berikut adalah cara penyediaan baucar bayaran :
    - a. Bayaran upah Mystep - Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Tempatan (K2)

Entry	Kod Akaun	Kod Dana	Amaun	
Debit	B0229301	BXXXX	XXXX	Upah
Debit	B0229303	BXXXX	XXX	KWSP- Caruman majikan
Debit	B0229303	BXXXX	XX	Perkeso – Caruman Majikan
Kredit	L1311903	G000	(XXX)	KWSP – Caruman majikan dan pekerja
Kredit	L1311903	G000	(XX)	Perkeso – Caruman majikan dan pekerja

- b. Bayaran caruman KWSP – K2 (M)

Entry	Kod Akaun	Kod Dana	Amaun	
Debit	L1311903	G000	XXX	KWSP – Caruman majikan dan pekerja

- c. Bayaran Caruman SOCSO – K2 (A)

Entry	Kod Akaun	Kod Dana	Amaun	
Debit	L1311903	G000	XXX	Perkeso – Caruman majikan dan pekerja

3. PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan terhadap arahan statutori KWSP dan PERKESO iaitu dokumen yang perlu dilengkapkan dan dihantar kepada kedua-dua agensi ini.

- i) KWSP – Sistem i-Akaun (majikan).
- ii) PERKESO –Portal Assist untuk pembayaran secara Arahan Pembayaran.

4. Semua personel MyStep dibenarkan menggunakan :

a)	Kod Vendor 5xxxxxxxx	Untuk personel yang telah mempunyai nombor gaji dan kod vendor
b)	Kod Vendor 6xxxxxxxx	Untuk personel lantikan baru yang belum pernah mempunyai nombor gaji

Oleh itu, semua permohonan Kod Vendor 6xxxxxxxx (sekiranya berkaitan) perlulah dikemukakan permohonan kepada pihak Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan JANM Perlis.

5. Tatacara ini hanya terpakai untuk pembayaran upah Personel MyStep mulai bulan Januari 2021 bagi PTJ/Pusat Pembayar di bawah seliaan JANM Negeri Perlis sahaja.

**\*TERTAKLUK KEPADA SEBARANG PINDAAN DARI SEMASA KE SEMASA\***